



ISSN 2735-1823



9 772735 182009

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



NOVEMBER 2023

LAPORAN STATISTIK **TENAGA BURUH**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

NOVEMBER 2023

Pemakluman

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan."

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my ((pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 10 Januari 2024

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi November 2023 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Januari 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v

Sorotan Utama	1
1. Pengenalan	2
2. Penduduk Bekerja	2
3. Pengangguran	4
4. Tenaga Buruh	5
5. Luar Tenaga Buruh	7
6. Menuju ke Hadapan	7

Senarai Jadual

Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Ketiga 2023	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Ketiga 2023	A-4
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Ketiga 2023	A-5
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Ketiga 2023	A-6
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - November 2023	A-7
Jadual C1	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan musim, Malaysia, Januari 2010 - November 2023	A-11
Jadual C2	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - November 2023	A-15
Jadual C3	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - November 2023	A-17
Jadual C4	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - November 2023	A-19
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	A-21
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2022	A-22
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	A-24
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, November 2022 - November 2023	A-25

GLOSARI

- Aktiviti ekonomi : Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
- Bekerja : Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
- Bekerja sendiri : Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran : Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa : Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
- Kadar pengangguran : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
- Kadar penyertaan tenaga buruh : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
- Kategori kemahiran : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

Pekerja mahir:

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

Pekerja separuh mahir:

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

Pekerja berkemahiran rendah:

9. Pekerjaan asas.

GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan tentera.

- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
- Pekerja : Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
- Pekerja keluarga tanpa gaji : Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
- Penganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Penganggur aktif : Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
- Penganggur tidak aktif : Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
- Tenaga buruh : Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM

BNM	:	Bank Negara Malaysia
DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
IP	:	Indeks Pelopor
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MADANI	:	Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan
NETR	:	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PETRONAS	:	Petroleum Nasional Berhad
STB	:	Survei Tenaga Buruh



TENAGA BURUH MALAYSIA, NOVEMBER 2023

Kadar pengangguran November kembali kepada paras prapandemik iaitu 3.3 peratus, mencatatkan 569.2 ribu orang penganggur

KADAR PENGANGGURAN



▼ 0.3mp ▼ 0.1mp

3.3%

Okt. 2023 : 3.4%

Kadar pengangguran November turun kepada 3.3 peratus dan kembali kepada paras prapandemik

PENGANGGUR



▼ 5.3% ▼ 0.3%

Nov. 2023

569.2 ribu

Okt. 2023

570.9 ribu

Pengangguran mengikut kategori
Penganggur aktif

79.9%

Okt. 2023

457.2 ribu

Nov. 2023

454.5 ribu

▼ 6.9%

▼ 0.6%

Penganggur tidak aktif

20.1%

Okt. 2023

113.8 ribu

Nov. 2023

114.7 ribu

▲ 1.6%

▲ 0.8%



Peratus perubahan
(tahun ke tahun)



Mata peratus



Peratus perubahan
(bulan ke bulan)



Tidak berubah

PENDUDUK BEKERJA



▲ 2.0% ▲ 0.2%


Nov. 2023

16.43 juta

Okt. 2023

16.40 juta

Penduduk bekerja mengikut
taraf pekerjaan



75.3 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada November 2023 adalah dalam kategori pekerja

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB)

70.1%

▲ 0.3mp

↔ 0.0mp

KPTB pada November 2023 kekal pada 70.1 peratus

KPTB mengikut jantina



82.9%

56.4%

TENAGA BURUH



Nov. 2023

17.00 juta

Okt. 2023

16.97 juta

▲ 1.7%

▲ 0.2%

LUAR TENAGA BURUH

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi utama luar tenaga buruh

Kerja rumah/
tanggungjawab keluarga

Bersekolah/ latihan



42.6%



41.1%

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



KONSEP DAN DEFINISI



Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaras kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

SOROTAN UTAMA

- Pada November 2023, bilangan **penduduk bekerja** terus berada pada trend menaik, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus (+27.9 ribu orang)** kepada **16.43 juta orang** (Oktober 2023: 16.40 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, meningkat kepada **67.8 peratus** pada November 2023 berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2023: 67.7%).
- Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; serta Pengangkutan & penyimpanan. Begitu juga, sektor Pembuatan, Pembinaan, dan Perlombongan & pengkuarian juga menunjukkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada November 2023. Manakala, sektor Pertanian merekodkan penurunan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan yang sama.
- Daripada jumlah penduduk bekerja pada November 2023, **75.3 peratus** berada dalam **kategori pekerja**. Kategori ini mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak **0.1 peratus (+16.2 ribu orang)** kepada **12.37 juta orang** (Oktober 2023: 12.35 juta orang). Pada masa yang sama, kategori **penduduk bekerja sendiri** juga meningkat kepada **2.99 juta orang** (Oktober 2023: 2.99 juta orang), dengan pertambahan sebanyak **0.3 peratus (+9.4 ribu orang)**. Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan yang menerima pendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil.
- Pada bulan tersebut, bilangan **penganggur** kekal pada trend menurun, dengan pengurangan sebanyak **0.3 peratus (-1.7 ribu orang)** kepada **569.2 ribu orang** (Oktober 2023: 570.9 ribu orang). **Kadar pengangguran** November turun kepada **3.3 peratus** dan kembali ke paras prapandemik, berbanding 3.4 peratus yang direkodkan pada bulan lalu.
- Bilangan **tenaga buruh** terus meningkat pada November 2023, dengan peningkatan bulanan sebanyak **0.2 peratus (+26.3 ribu orang)** kepada **17.0 juta orang** (Oktober 2023: 16.97 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada **70.1 peratus**.
- Pada November 2023, bilangan **luar tenaga buruh** berada pada trend menurun, dengan pengurangan sebanyak **2.2 ribu orang (-0.03%)** kepada **7.24 juta orang** (Oktober 2023: 7.24 juta orang). **Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan **42.6 peratus**, diikuti oleh **bersekolah/ latihan (41.1%)**.
- Walaupun berdepan dengan cabaran global, struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai dan asas yang kukuh telah menyokong pertumbuhan ekonomi yang stabil. Oleh itu, pasaran buruh negara juga menunjukkan momentum pertumbuhan yang stabil untuk tempoh sebelas bulan pada tahun 2023, dengan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja dan pengangguran yang semakin berkurangan sehingga mengembalikan kadar pengangguran ke paras prapandemik. Di samping itu, pada musim cuti yang akan datang dijangka akan meningkatkan ekonomi, terutamanya dalam aktiviti pelancongan. Walaupun bencana banjir pada 2023 memberi kesan kepada beberapa negeri di Malaysia, situasi tersebut dijangka tidak memberi kesan ketara kepada keseluruhan pasaran buruh kerana ianya dilihat lebih menjejaskan kawasan setempat. Justeru, landskap pasaran buruh negara dijangka kekal kukuh dalam beberapa bulan akan datang, sejajar dengan prestasi ekonomi negara yang semakin meningkat.

1 TENAGA BURUH MALAYSIA TERUS MENGUKUH PADA NOVEMBER 2023, MENCERMINKAN PROSPEK EKONOMI YANG POSITIF, DENGAN PENINGKATAN BERTERUSAN DALAM BILANGAN PENDUDUK BEKERJA, MANAKALA PENGANGGURAN SEMAKIN MENURUN

Ekonomi Malaysia diunjur berkembang sebanyak 4 peratus pada tahun 2023. Bank Negara Malaysia (BNM) menekankan untuk mengukuhkan permintaan domestik bagi mengekalkan pertumbuhan ini, sejajar dengan prospek pekerjaan dan pendapatan dalam sektor pasaran tempatan¹. Usaha untuk memastikan kestabilan ekonomi termasuk memberi tumpuan kepada pengurusan inflasi, BNM meramalkan penurunan inflasi keseluruhan dan teras bagi tahun 2023 berikutan keadaan kos yang lebih sederhana.

Untuk menangani kebimbangan pasaran buruh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM99.7 bilion dalam Bajet 2023 untuk merangsang keseluruhan ekosistem tenaga kerja, termasuk RM18.6 bilion khusus untuk program pemerksaan bagi golongan B40, M40, wanita, dan belia. Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI pula, di bawah Program Satu Tahun Malaysia MADANI, inisiatif kerjaya melibatkan 63 entiti seperti Angkatan Tentera Malaysia, Khazanah Nasional Berhad, PETRONAS, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang bertujuan untuk menyediakan orang ramai dengan maklumat pencarian pekerjaan yang sejajar dengan bidang pengajian masing-masing, telah menawarkan 45,000 peluang pekerjaan².

Di samping itu, pelaksanaan inisiatif karnival kerjaya telah mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja dan mengurangkan kadar pengangguran. Usaha yang gigih telah membawa kepada peningkatan positif dalam pasaran buruh, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan peluang pekerjaan dan kekosongan jawatan³. Sepanjang pelaksanaan karnival kerjaya dari Januari hingga Oktober 2023, seramai 170,502 individu telah berjaya mendapatkan pekerjaan. Ini telah menyumbang kepada penurunan dalam kadar pengangguran, dan kembali ke paras prapandemik. Oleh itu, tenaga buruh Malaysia terus mengukuh pada bulan November 2023, mencerminkan prospek ekonomi yang positif, dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala pengangguran semakin menurun.

Selain itu, Indeks Pelapor (IP) yang menunjukkan arah ekonomi Malaysia, merekodkan pertumbuhan negatif yang lebih baik iaitu sebanyak 0.2 peratus dengan 109.2 mata pada Oktober 2023 (Oktober 2022: 109.4 mata). Pada masa yang sama, prestasi bulanan IP mencatatkan negatif 0.2 peratus pada Oktober 2023, berbanding negatif 0.3 peratus pada September 2023. Bagi kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Oktober 2023, ianya kekal di bawah trend 100.0 mata, menunjukkan prospek pertumbuhan yang sederhana pada bulan-bulan akan datang, disokong oleh penggunaan swasta yang meyakinkan dan landskap pasaran buruh yang menggalakkan. Dalam pada itu, berbanding Oktober 2023, indikator perdagangan luar negeri bulanan bagi eksport mencatatkan penurunan sebanyak 3.2 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 1.4%), manakala import mencatatkan negatif 3.1 peratus (Oktober 2023: 13.3%).

2 Bilangan penduduk bekerja terus berada pada trend menaik

Pada November 2023, bilangan **penduduk bekerja** terus berada pada trend menaik, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus (+27.9 ribu orang)** kepada **16.43 juta orang** (Oktober 2023: 16.40 juta orang). Dalam konteks data pelarasan bermusim, terdapat kenaikan sebanyak 0.1 peratus dalam bilangan penduduk bekerja. Begitu juga, pertumbuhan tahun ke tahun

¹ <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/bnm-unjur-ekonomi-malaysia-berkembang-4-peratus-bagi-2023-446390>

² <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1/1186621/program-setahun-bersama-kerajaan-malaysia-madani-tawar-lebih-45000>


³ <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/24/stats-dept-labour-force-up-23pc-year-on-year-in-q3-2023/104030>

menunjukkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus (+322.5 ribu orang) dalam bilangan penduduk bekerja berbanding November tahun lalu (16.11 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Begitu juga, sektor Pembuatan, Pembinaan, dan Perlombongan & pengkuarian juga menunjukkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada November 2023. Manakala, sektor Pertanian merekodkan penurunan bilangan penduduk bekerja pada bulan yang sama.


Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, meningkat kepada **67.8 peratus** pada November 2023 berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2023: 67.7%). Berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya, nisbah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5 mata peratus daripada 67.3 peratus pada November 2022 [**Carta 1**].

Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2019 - November 2023



Daripada jumlah penduduk bekerja pada November 2023, **75.3 peratus** berada dalam **kategori pekerja**. Kategori ini mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak **0.1 peratus (+16.2 ribu orang)** kepada **12.37 juta orang** (Oktober 2023: 12.35 juta orang). Begitu juga, kategori **penduduk bekerja sendiri** juga meningkat kepada **2.99 juta orang** (Oktober 2023: 2.99 juta orang), dengan pertambahan sebanyak **0.3 peratus (+9.4 ribu orang)**. Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan yang menerima pendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil [**Carta 2**].

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Oktober 2023 dan November 2023




Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu pada November 2023 menurun sebanyak **2.1 peratus (-1.7 ribu orang)** kepada **78.5 ribu orang** berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2023: 80.2 ribu orang). Perbandingan tahun ke tahun, bilangannya meningkat sebanyak 2.1 peratus (+1.6 ribu orang) daripada 76.9 ribu orang yang direkodkan pada November tahun lalu. Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja, tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

3 Kadar pengangguran November turun kepada 3.3 peratus dan kembali ke paras prapandemik

Pada bulan tersebut, bilangan **penganggur kekal** pada trend menurun, dengan pengurangan sebanyak **0.3 peratus (-1.7 ribu orang)** kepada **569.2 ribu orang** (Oktober 2023: 570.9 ribu orang). **Kadar pengangguran** November turun kepada **3.3 peratus** dan kembali ke paras prapandemik, berbanding 3.4 peratus yang direkodkan pada bulan lalu. Dalam terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur turun sebanyak 0.3 peratus, mencatatkan kadar pengangguran 3.4 peratus.

Bilangan penganggur terus berkurang sebanyak 5.3 peratus (-31.7 ribu orang) tahun ke tahun, berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (November 2022: 600.9 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran turun sebanyak 0.3 mata peratus berbanding dengan November 2022 (3.6%) [Carta 3].


Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - November 2023



Pada bulan tersebut, **79.9 peratus** daripada jumlah penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau **penganggur aktif**. Kumpulan ini berada dalam trend penurunan, dengan pengurangan sebanyak **0.6 peratus (-2.6 ribu orang)** kepada **454.5 ribu orang** (Oktober 2023: 457.2 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, **61.8 peratus** adalah mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan**, manakala mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun**⁴ adalah sebanyak **6.3 peratus**. Sebaliknya, **penganggur tidak aktif** atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia, meningkat sebanyak **0.8 peratus** atau bersamaan dengan **0.9 ribu orang**, merekodkan **114.7 ribu orang** (Oktober 2023: 113.8 ribu orang) [Carta 4].


⁴ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment) https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqareports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Oktober 2023 dan November 2023



Kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 24 tahun** turun sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **10.6 peratus** pada November 2023, mencatatkan **308.5 ribu** penganggur belia (Oktober 2023: 313.3 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 30 tahun** berkurang kepada **6.5 peratus**, dengan bilangan penganggur belia seramai **432.0 ribu orang** (Oktober 2023: 6.6%; 439.6 ribu orang) [Carta 5].

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - November 2023




4 KPTB pada November 2023 tidak berubah iaitu pada 70.1 peratus

Bilangan **tenaga buruh** terus meningkat pada November 2023, dengan peningkatan bulanan sebanyak **0.2 peratus (+26.3 ribu orang)** kepada **17.0 juta orang** (Oktober 2023: 16.97 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada **70.1 peratus**. Berdasarkan anggaran pelarasan musim, bilangan tenaga buruh naik sebanyak 0.1 peratus, dengan KPTB pada 70.1 peratus.

Secara tahunan, bilangan tenaga buruh bertambah sebanyak 1.7 peratus atau (+291.0 ribu orang) berbanding 16.71 juta orang pada November 2022. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.3 mata peratus daripada 69.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya [Carta 6].


Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - November 2023



Pada November 2023, **tenaga buruh lelaki** mencatatkan sebanyak **10.40 juta orang** (Oktober 2023: 10.38 juta orang). Manakala, **tenaga buruh perempuan** adalah sebanyak **6.60 juta orang** (Oktober 2023: 6.59 juta orang). Bagi KPTB, **KPTB lelaki** dan **perempuan** masing-masing tidak berubah iaitu pada **82.9 peratus** dan **56.4 peratus**, seperti yang direkodkan pada Oktober 2023.

Dari segi perubahan tahun-ke-tahun, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan terus berada dalam trend yang meningkat, dengan pertambahan masing-masing sebanyak 1.3 peratus (November 2022: 10.27 juta orang) dan 2.5 peratus (November 2022: 6.44 juta orang). Oleh itu, KPTB lelaki mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 mata peratus daripada 82.7 peratus, manakala KPTB perempuan naik sebanyak 0.6 mata peratus daripada 55.8 peratus yang dicatatkan pada November 2022 [Carta 7].


Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - November 2023



5 Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama luar tenaga buruh

Pada November 2023, bilangan **luar tenaga buruh** berada pada trend menurun, dengan pengurangan sebanyak **2.2 ribu orang (-0.03%)** kepada **7.24 juta orang** (Oktober 2023: 7.24 juta orang). Perbandingan tahun ke tahun, kumpulan ini berkurang sebanyak 0.3 ribu orang (-0.004%) berbanding 7.24 juta orang yang dicatatkan pada November 2022. **Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan **42.6 peratus**, diikuti oleh **bersekolah/ latihan (41.1%) [Carta 8]**.

Carta 8: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Oktober 2023 dan November 2023



6 MENUJU KE HADAPAN

Tahun 2023 menjadi tempoh mencabar bagi ekonomi global ekoran daripada konflik ketegangan geopolitik yang berlanjutan, pengetatan dasar monetari bagi menangani inflasi serta peningkatan risiko kelembapan ekonomi di serata dunia. Ketidaktentuan atau situasi luar jangka yang dialami oleh negara-negara besar turut memberi impak terhadap negara-negara yang sedang membangun berikutan ketegangan perdagangan yang berterusan⁵. Malaysia juga tidak terkecuali daripada berdepan dengan situasi tersebut susulan ciri ekonomi Malaysia yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan.

Walau bagaimanapun, struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai serta asas yang kukuh, telah meningkatkan daya tahan ekonomi serta meletakkan negara di landasan pertumbuhan yang stabil. Ini ditunjukkan oleh ekonomi Malaysia yang berkembang pada kadar 3.3 peratus pada suku ketiga 2023 dan dijangka tumbuh dalam lingkungan 4.0 peratus pada tahun 2023, walaupun dalam persekitaran kelembapan ekonomi global. Pasaran buruh negara juga mempamerkan momentum pertumbuhan yang stabil bagi tempoh sebelas bulan pada tahun 2023, dengan bilangan penduduk bekerja yang terus bertambah dan pengangguran yang semakin berkurangan sehingga membawa kadar pengangguran kembali ke paras prapandemik.

Di samping itu, musim cuti yang akan datang juga dijangka akan menyuntik aliran masuk kepada ekonomi, terutamanya bagi aktiviti berkaitan pelancongan, untuk terus berkembang susulan permintaan pengguna yang dijangka akan meningkat. Namun begitu, bencana banjir yang melanda beberapa

⁵ <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/12/1187681/2023-tahun-mencabar-ekonomi-dunia-malaysia>

negeri di Malaysia terutamanya di kawasan tengah dan pantai timur negara pada penghujung tahun 2023, dilihat lebih menjejaskan kawasan setempat dan ianya dijangka tidak memberi impak yang ketara kepada kedudukan pasaran buruh negara secara menyeluruh.

Susulan itu, landskap pasaran buruh negara dilihat akan terus berada pada kedudukan yang memberangsangkan pada bulan-bulan berikutnya, selari dengan prestasi ekonomi negara yang semakin berkembang. Ini juga adalah selaras dengan salah satu dasar dalam Kerangka Ekonomi MADANI iaitu Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), yang mana melalui NETR Fasa 1, sebanyak 10 projek rintis perdana yang dijangka menjana pelaburan berjumlah RM25 bilion dan membuka sebanyak 23,000 peluang pekerjaan yang bernilai tinggi. Ini dilihat akan dapat mendorong lebih ramai individu untuk memasuki pasaran buruh.

JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA
NOVEMBER 2023

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022

Siri Masa	('000)				(%)		
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7	3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2	3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0	5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0	5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2	7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7	7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0	7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4	5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6	4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5	3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8	4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7	3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6	2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0	2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2	3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0	3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4	3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6	3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1	3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9	3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1	3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0	3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0	3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2	3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6	3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6	3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6	3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5	3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6	3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2	3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7	2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8	3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4	3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7	3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0	3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4	3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3	4.5
2021	15,797.2	15,064.2	733.0	7,221.4	68.6	65.4	4.6
2022	16,022.1	15,391.7	630.4	7,110.2	69.3	66.5	3.9

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Ketiga 2023

Siri Masa	('000)				(%)		
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2010							
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1
2011							
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1
2012							
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0
2013							
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1
ST4	14,195.1	13,739.5	455.6	6,730.7	67.8	65.7	3.2
2014							
ST1	14,230.8	13,791.4	439.4	6,805.9	67.6	65.6	3.1
ST2	14,296.1	13,888.5	407.6	6,793.0	67.8	65.9	2.9
ST3	14,346.9	13,960.6	386.3	6,810.3	67.8	66.0	2.7
ST4	14,403.3	13,998.7	404.6	6,860.9	67.7	65.8	2.8
2015							
ST1	14,544.8	14,091.0	453.9	6,798.5	68.1	66.0	3.1
ST2	14,535.6	14,087.8	447.8	6,897.9	67.8	65.7	3.1
ST3	14,561.0	14,093.7	467.3	6,930.6	67.8	65.6	3.2
ST4	14,600.2	14,127.9	472.3	6,952.7	67.7	65.6	3.2
2016							
ST1	14,596.8	14,095.8	501.0	7,011.5	67.6	65.2	3.4
ST2	14,665.4	14,161.5	503.9	7,026.0	67.6	65.3	3.4
ST3	14,710.6	14,202.0	508.5	7,044.6	67.6	65.3	3.5
ST4	14,771.4	14,260.6	510.8	7,071.7	67.6	65.3	3.5
2017							
ST1	14,870.1	14,355.9	514.2	7,093.8	67.7	65.4	3.5
ST2	14,926.4	14,414.8	511.6	7,123.3	67.7	65.4	3.4
ST3	15,000.2	14,484.0	516.2	7,091.0	67.9	65.6	3.4
ST4	15,088.3	14,580.5	507.8	7,085.0	68.0	65.8	3.4
2018							
ST1	15,192.4	14,683.6	508.9	7,093.7	68.2	65.9	3.3
ST2	15,278.3	14,767.2	511.1	7,073.4	68.4	66.1	3.3
ST3	15,381.3	14,856.8	524.4	7,077.9	68.5	66.2	3.4
ST4	15,449.9	14,933.4	516.5	7,070.7	68.6	66.3	3.3
2019							
ST1	15,526.8	15,010.2	516.6	7,064.2	68.7	66.4	3.3
ST2	15,598.8	15,078.2	520.6	7,088.1	68.8	66.5	3.3
ST3	15,674.3	15,162.1	512.1	7,088.7	68.9	66.6	3.3
ST4	15,766.7	15,254.5	512.2	7,066.1	69.1	66.8	3.2
2020							
ST1	15,790.1	15,243.5	546.6	7,163.1	68.8	66.4	3.5
ST2	15,675.5	14,883.7	791.8	7,350.5	68.1	64.6	5.1
ST3	15,840.6	15,095.6	745.0	7,324.6	68.4	65.2	4.7
ST4	15,922.3	15,161.6	760.7	7,318.4	68.5	65.2	4.8

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Ketiga 2023

('000)

(%)

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2021							
ST1	16,008.4	15,236.5	771.8	7,316.0	68.6	65.3	4.8
ST2	15,972.2	15,207.3	764.9	7,424.9	68.3	65.0	4.8
ST3	16,021.0	15,274.8	746.2	7,430.1	68.3	65.1	4.7
ST4	16,135.0	15,440.7	694.4	7,361.5	68.7	65.7	4.3
2022							
ST1	16,246.1	15,574.9	671.2	7,289.9	69.0	66.2	4.1
ST2	16,343.3	15,701.2	642.0	7,258.5	69.2	66.5	3.9
ST3	16,442.9	15,831.1	611.8	7,250.6	69.4	66.8	3.7
ST4	16,542.2	15,941.7	600.5	7,246.1	69.5	67.0	3.6
2023							
ST1	16,648.9	16,062.0	586.9	7,215.7	69.8	67.3	3.5
ST2	16,727.4	16,146.1	581.4	7,180.2	70.0	67.5	3.5
ST3	16,824.0	16,250.9	573.1	7,182.3	70.1	67.7	3.4

Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Ketiga 2023

(’000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	415.5	177.3	238.2	57.4	79.7	90.8	187.6
ST2	396.8	168.8	228.0	52.8	79.0	95.1	170.0
ST3	393.0	163.2	229.7	57.3	91.1	81.4	163.1
ST4	419.3	173.1	246.2	60.2	105.4	84.3	169.4
2018							
ST1	462.3	172.9	289.3	61.2	119.5	98.7	182.9
ST2	497.2	207.7	289.5	75.5	132.4	101.3	188.0
ST3	442.4	172.7	269.7	56.4	96.7	98.3	191.0
ST4	370.0	140.9	229.0	39.2	80.4	78.9	171.4
2019							
ST1	352.6	143.7	209.0	52.2	90.9	68.9	140.7
ST2	374.3	171.5	202.8	43.6	84.1	87.8	158.8
ST3	326.6	118.9	207.6	42.5	73.6	79.7	130.8
ST4	304.0	112.3	191.8	39.1	62.9	72.8	129.3
2020							
ST1	667.5	320.1	347.4	91.0	189.1	146.5	240.9
ST2	789.6	444.0	345.7	134.6	229.1	182.0	244.0
ST3	403.8	151.4	252.4	116.1	118.0	72.1	97.6
ST4	533.7	345.6	188.0	165.5	189.5	71.0	107.6
2021							
ST1	441.9	281.3	160.5	57.0	209.4	106.3	69.2
ST2	474.1	317.8	156.3	102.2	110.1	95.9	165.9
ST3	464.6	282.9	181.6	69.0	166.4	123.7	105.4
ST4	393.8	137.6	256.2	87.0	108.4	97.5	100.9
2022							
ST1	336.3	112.1	224.1	39.1	103.6	77.8	115.8
ST2	324.5	154.5	170.0	76.4	94.3	63.0	90.8
ST3	287.2	132.9	154.3	35.3	99.5	68.4	84.0
ST4	268.5	115.4	153.0	46.1	88.0	56.2	78.3
2023							
ST1	274.2	114.2	160.0	37.4	94.4	46.5	95.8
ST2	280.4	120.2	160.2	54.0	85.3	58.6	82.5
ST3	284.8	122.0	162.8	41.5	113.2	49.6	80.4

Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Ketiga 2023

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	211.8	105.9	105.8	36.8	51.0	48.6	75.4
ST2	195.4	97.7	97.8	34.7	45.2	48.9	66.6
ST3	224.8	109.1	115.7	46.3	59.3	49.8	69.4
ST4	238.5	115.3	123.2	45.7	69.4	44.9	78.5
2018							
ST1	242.5	102.4	141.0	37.3	74.1	52.3	79.7
ST2	231.7	108.1	123.5	40.2	65.8	43.2	82.5
ST3	235.5	116.5	119.0	43.4	54.4	49.4	88.3
ST4	204.1	88.1	115.9	30.8	47.5	44.0	81.7
2019							
ST1	210.5	98.0	112.5	43.6	61.4	36.9	68.6
ST2	204.5	107.2	97.2	32.0	53.8	45.7	73.0
ST3	178.7	70.4	108.2	28.6	44.8	50.9	54.4
ST4	170.7	69.2	101.5	28.7	44.2	40.6	57.1
2020							
ST1	383.2	183.2	199.9	63.2	114.1	82.4	123.5
ST2	413.5	257.6	156.0	76.3	99.3	106.1	131.9
ST3	300.8	102.3	198.5	108.4	97.2	47.4	47.8
ST4	369.1	267.8	101.3	130.3	117.4	53.1	68.4
2021							
ST1	310.5	226.7	83.8	46.4	159.3	67.2	37.6
ST2	329.7	236.1	93.5	86.6	82.6	46.6	113.8
ST3	326.2	232.2	93.9	40.4	137.0	87.7	61.0
ST4	293.1	101.2	191.9	80.8	78.9	70.2	63.2
2022							
ST1	245.1	71.3	173.8	21.8	76.1	62.6	84.5
ST2	212.8	111.6	101.3	64.5	59.8	37.0	51.6
ST3	186.8	92.3	94.5	16.7	67.4	49.0	53.7
ST4	167.4	79.3	88.1	29.9	63.8	32.5	41.2
2023							
ST1	174.6	78.7	95.9	30.2	66.4	25.2	52.8
ST2	186.3	86.4	99.9	39.5	62.6	34.4	49.8
ST3	189.0	88.1	100.8	34.4	79.0	32.6	42.9

Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017
- Suku Ketiga 2023

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	1,182.9	567.0	615.9	280.8	569.0	209.3	123.8
ST2	1,280.6	584.9	695.7	317.9	587.7	226.9	148.1
ST3	1,311.6	623.9	687.7	306.1	632.6	227.4	145.5
ST4	1,332.8	648.4	684.4	303.2	631.8	254.8	142.9
2018							
ST1	1,306.9	629.2	677.7	279.2	629.2	259.0	139.5
ST2	1,408.1	647.2	760.9	314.5	687.4	257.7	148.4
ST3	1,446.3	704.1	742.2	351.3	683.3	266.9	144.8
ST4	1,404.0	667.8	736.2	337.2	679.1	245.4	142.3
2019							
ST1	1,460.8	673.2	787.6	329.5	696.4	263.0	172.0
ST2	1,417.2	665.3	751.9	338.6	666.0	259.7	152.8
ST3	1,554.5	699.3	855.2	393.5	705.8	279.1	176.0
ST4	1,540.9	746.8	794.1	348.4	732.4	287.4	172.7
2020							
ST1	1,637.3	815.1	822.2	338.3	786.3	310.8	201.8
ST2	1,674.1	847.7	826.4	393.7	701.9	331.6	246.9
ST3	1,762.7	865.9	896.9	405.1	811.4	355.3	190.9
ST4 ^f	1,886.8	1,066.6	820.2	353.5	862.6	443.0	227.6
2021							
ST1	1,899.9	951.5	948.4	437.2	848.4	401.7	212.5
ST2	1,852.5	949.0	903.5	336.9	776.0	426.1	313.5
ST3	1,873.8	931.7	942.2	426.8	835.3	392.0	219.7
ST4	1,838.3	877.1	961.2	309.0	816.4	454.6	258.3
2022							
ST1	1,810.1	874.4	935.6	364.9	821.3	428.2	195.7
ST2	1,799.6	892.3	907.3	356.3	799.4	433.3	210.6
ST3	1,839.6	857.9	981.7	344.1	861.4	432.2	201.9
ST4	1,891.4	1,022.0	869.5	326.3	894.9	476.0	194.2
2023							
ST1	1,907.2	944.0	963.3	373.9	879.1	447.4	206.8
ST2	1,914.6	873.1	1,041.5	421.3	867.5	421.0	204.8
ST3	1,922.7	941.3	981.4	425.5	816.1	457.8	223.3

Nota:

r Disemak semula

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - November 2023

('000)

(%)

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2010							
Januari	12,367.9	11,931.2	436.7	6,927.5	64.1	61.8	3.5
Februari	12,059.8	11,632.3	427.4	7,225.1	62.5	60.3	3.5
Mac	12,324.2	11,895.9	428.3	6,993.0	63.8	61.6	3.5
April	12,512.0	12,133.5	378.5	6,894.5	64.5	62.5	3.0
Mei	12,197.6	11,798.9	398.7	7,186.0	62.9	60.9	3.3
Jun	12,331.8	11,882.2	449.6	7,065.0	63.6	61.3	3.6
Julai	12,516.2	12,099.5	416.7	6,900.5	64.5	62.3	3.3
Ogos	12,320.9	11,936.5	384.3	7,157.9	63.3	61.3	3.1
September	12,289.9	11,912.1	377.8	7,194.4	63.1	61.1	3.1
Oktober	12,689.5	12,342.6	346.8	6,846.7	65.0	63.2	2.7
November	12,277.5	11,874.1	403.4	7,298.3	62.7	60.7	3.3
Disember	12,822.3	12,418.3	404.1	6,722.3	65.6	63.5	3.2
2011							
Januari	12,804.2	12,376.0	428.2	6,881.6	65.0	62.9	3.3
Februari	12,618.9	12,245.3	373.6	7,110.3	64.0	62.1	3.0
Mac	12,862.2	12,491.8	370.4	6,940.1	65.0	63.1	2.9
April	12,921.7	12,537.1	384.6	6,930.6	65.1	63.2	3.0
Mei	12,726.6	12,330.3	396.3	7,133.2	64.1	62.1	3.1
Jun	12,782.7	12,372.6	410.1	7,073.7	64.4	62.3	3.2
Julai	12,967.4	12,581.5	385.9	6,920.5	65.2	63.3	3.0
Ogos	12,887.9	12,486.7	401.2	7,038.6	64.7	62.7	3.1
September	12,875.9	12,456.9	419.0	7,032.2	64.7	62.6	3.3
Oktober	12,938.2	12,550.1	388.1	7,045.7	64.7	62.8	3.0
November	12,722.4	12,323.7	398.7	7,245.7	63.7	61.7	3.1
Disember	13,092.1	12,687.2	404.9	6,997.3	65.2	63.2	3.1
2012							
Januari	13,191.6	12,781.3	410.4	6,878.5	65.7	63.7	3.1
Februari	13,054.5	12,645.6	408.9	7,042.3	65.0	62.9	3.1
Mac	13,295.4	12,893.8	401.6	6,897.3	65.8	63.9	3.0
April	13,331.8	12,936.9	394.8	6,851.3	66.1	64.1	3.0
Mei	13,245.6	12,861.2	384.4	6,952.9	65.6	63.7	2.9
Jun	13,232.5	12,811.4	421.0	7,013.7	65.4	63.3	3.2
Julai	13,511.7	13,093.3	418.4	6,777.3	66.6	64.5	3.1
Ogos	13,313.6	12,963.4	350.2	7,039.9	65.4	63.7	2.6
September	13,408.5	12,984.5	424.0	6,993.2	65.7	63.6	3.2
Oktober	13,341.4	12,908.9	432.6	7,056.2	65.4	63.3	3.2
November	13,429.2	13,044.6	384.6	7,094.6	65.4	63.6	2.9
Disember	13,538.6	13,114.3	424.3	7,060.6	65.7	63.7	3.1
2013							
Januari	13,569.6	13,109.8	459.8	7,035.5	65.9	63.6	3.4
Februari	13,598.8	13,195.9	402.9	7,119.8	65.6	63.7	3.0
Mac	13,684.4	13,241.7	442.6	7,116.7	65.8	63.7	3.2
April	13,835.7	13,422.9	412.8	6,922.7	66.7	64.7	3.0
Mei	13,815.3	13,368.9	446.4	7,005.6	66.4	64.2	3.2
Jun	14,217.1	13,816.9	400.2	6,668.6	68.1	66.2	2.8
Julai	14,194.6	13,763.0	431.6	6,655.9	68.1	66.0	3.0
Ogos	14,176.6	13,734.2	442.4	6,689.8	67.9	65.8	3.1
September	14,309.4	13,859.5	449.9	6,557.3	68.6	66.4	3.1
Oktober	14,169.2	13,699.1	470.1	6,746.3	67.7	65.5	3.3
November	14,220.9	13,730.4	490.5	6,716.2	67.9	65.6	3.4
Disember	14,276.5	13,836.2	440.3	6,724.3	68.0	65.9	3.1

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - November 2023

('000)

(%)

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2014							
Januari	14,244.4	13,775.9	468.5	6,734.7	67.9	65.7	3.3
Februari	14,249.9	13,788.0	462.0	6,808.7	67.7	65.5	3.2
Mac	14,198.4	13,768.3	430.1	6,956.1	67.1	65.1	3.0
April	14,206.7	13,793.2	413.5	6,849.4	67.5	65.5	2.9
Mei	14,430.2	14,023.0	407.2	6,693.2	68.3	66.4	2.8
Jun	14,373.4	13,967.0	406.4	6,826.6	67.8	65.9	2.8
Julai	14,333.4	13,935.8	397.6	6,846.2	67.7	65.8	2.8
Ogos	14,266.3	13,881.4	384.9	6,934.1	67.3	65.5	2.7
September	14,440.2	14,058.4	381.8	6,763.7	68.1	66.3	2.6
Oktober	14,403.1	14,023.3	379.9	6,926.7	67.5	65.7	2.6
November	14,404.1	14,025.4	378.7	6,887.1	67.7	65.9	2.6
Disember	14,512.0	14,060.2	451.7	6,784.8	68.1	66.0	3.1
2015							
Januari	14,442.0	13,991.8	450.3	6,923.7	67.6	65.5	3.1
Februari	14,554.7	14,092.9	461.8	6,847.8	68.0	65.9	3.2
Mac	14,601.2	14,160.5	440.7	6,839.3	68.1	66.1	3.0
April	14,569.5	14,136.2	433.3	6,890.2	67.9	65.9	3.0
Mei	14,575.0	14,126.7	448.3	6,933.5	67.8	65.7	3.1
Jun	14,609.9	14,146.7	463.2	6,896.2	67.9	65.8	3.1
Julai	14,579.1	14,106.2	472.9	6,937.7	67.8	65.6	3.2
Ogos	14,685.1	14,214.6	470.5	6,871.5	68.1	65.9	3.2
September	14,642.0	14,151.7	490.3	6,925.4	67.9	65.6	3.3
Oktober	14,665.9	14,184.7	481.3	6,894.8	68.0	65.8	3.3
November	14,687.2	14,215.7	471.5	6,945.0	67.9	65.7	3.2
Disember	14,690.0	14,185.7	504.3	6,945.3	67.9	65.6	3.4
2016							
Januari	14,652.0	14,150.5	501.5	6,984.2	67.7	65.4	3.4
Februari	14,703.3	14,196.9	506.4	7,063.1	67.6	65.2	3.4
Mac	14,710.1	14,200.7	509.5	6,964.0	67.9	65.5	3.5
April	14,675.3	14,163.7	511.5	7,012.5	67.7	65.3	3.5
Mei	14,705.0	14,200.2	504.8	7,021.1	67.7	65.4	3.4
Jun	14,720.1	14,218.4	501.8	7,036.5	67.7	65.4	3.4
Julai	14,729.0	14,212.8	516.2	7,008.4	67.8	65.4	3.5
Ogos	14,822.2	14,306.9	515.2	7,053.3	67.8	65.4	3.5
September	14,762.2	14,249.6	512.6	7,084.3	67.6	65.2	3.5
Oktober	14,765.1	14,253.4	511.7	7,071.1	67.6	65.3	3.5
November	14,827.9	14,317.2	510.7	7,081.8	67.7	65.3	3.4
Disember	14,788.9	14,276.7	512.2	7,072.8	67.6	65.3	3.5
2017							
Januari	14,880.9	14,366.8	514.1	7,090.4	67.7	65.4	3.5
Februari	14,916.7	14,401.8	514.8	7,086.9	67.8	65.5	3.5
Mac	14,932.5	14,421.7	510.8	7,121.8	67.7	65.4	3.4
April	14,941.5	14,429.6	511.9	7,122.5	67.7	65.4	3.4
Mei	14,961.9	14,454.4	507.5	7,120.8	67.8	65.5	3.4
Jun	15,027.6	14,519.9	507.7	7,141.1	67.8	65.5	3.4
Julai	15,016.4	14,497.4	519.0	7,150.4	67.7	65.4	3.5
Ogos	15,030.2	14,513.4	516.9	7,138.4	67.8	65.5	3.4
September	15,058.8	14,544.3	514.5	7,122.1	67.9	65.6	3.4
Oktober	15,090.4	14,581.7	508.8	7,117.7	68.0	65.7	3.4
November	15,084.0	14,578.9	505.1	7,121.4	67.9	65.7	3.3
Disember	15,145.9	14,640.1	505.8	7,084.1	68.1	65.9	3.3

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - November 2023

('000)

(%)

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2018							
Januari	15,187.0	14,670.5	516.5	7,074.8	68.2	65.9	3.4
Februari	15,230.0	14,721.5	508.5	7,112.3	68.2	65.9	3.3
Mac	15,241.2	14,732.5	508.7	7,115.0	68.2	65.9	3.3
April	15,313.1	14,803.1	510.0	7,130.9	68.2	66.0	3.3
Mei	15,357.5	14,852.6	504.8	7,097.1	68.4	66.1	3.3
Jun	15,379.0	14,863.2	515.8	7,062.2	68.5	66.2	3.4
Julai	15,401.0	14,882.4	518.6	7,044.5	68.6	66.3	3.4
Ogos	15,421.4	14,896.5	525.0	7,133.9	68.4	66.0	3.4
September	15,442.9	14,926.5	516.4	7,096.8	68.5	66.2	3.3
Oktober	15,450.0	14,937.1	512.9	7,093.7	68.5	66.3	3.3
November	15,457.5	14,941.3	516.2	7,151.2	68.4	66.1	3.3
Disember	15,500.1	14,986.0	514.2	7,120.1	68.5	66.3	3.3
2019							
Januari	15,508.5	14,992.8	515.6	7,095.9	68.6	66.3	3.3
